



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM) CAWANGAN KELANTAN

**TINGKATAN 5
2020**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 2**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**SKEMA
PEMARKAHAN**

GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN BAHASA MELAYU 2 – 1103/2 PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2020

[Markah penuh : 110 markah]

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah
(b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
 - perkataan berulang
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
 - (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
 - (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Soalan 1 – Rumusan

Pendahuluan [2 markah]	Markah
P1 Petikan membincangkan kebaikan / manfaat / kelebihan / faedah pembangunan modal insan dalam kalangan rakyat.	2
P2 Petikan membincangkan kebaikan / manfaat / kelebihan / faedah pembangunan modal insan dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat kini.	2
P3 Rumusan membincangkan kebaikan / manfaat / kelebihan / faedah pembangunan modal insan dan langkah-langkah kerajaan membangunkan modal insan.	2
P4 Petikan / Rumusan membincangkan kebaikan / manfaat / kelebihan / faedah pembangunan modal insan.	1
P5 Petikan membincangkan <i>kepentingan</i> pembangunan modal insan. / Rumusan membincangkan <i>kepentingan</i> pembangunan modal insan.	0

**Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]
(kepentingan pembangunan modal insan)**

S1 menyediakan sumber tenaga yang berkualiti	2
S2 menyediakan masyarakat yang berdaya saing dalam bidang ekonomi	2
S3 menghasilkan pelajar berkualiti yang akan menjadi bakal pemimpin	2
S4 melahirkan masyarakat yang tinggi nilai rohaninya	2
S5 melahirkan masyarakat yang berdisiplin	2
S6 meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara	2
S7 melahirkan masyarakat berdaya saing, berbudaya kerja cemerlang dan memiliki kekuatan mental	2
S8 menjana dan menempa kemajuan dalam semua bidang	2
S9 membentuk sebuah negara yang maju dan berdaulat	2

**Isi tersirat [4 hingga 12 markah]
(Langkah-langkah kerajaan membangunkan modal insan)**

T1 penambahbaikan sistem pendidikan	2
T2 membangun institusi pendidikan tinggi (IPT) bertaraf antarabangsa	2
T3 mempertingkatkan program latihan dan kemahiran	2
T4 mempergiatkan aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)	2
T5 melaksanakan program sosial / mengadakan kempen membangunkan modal insan	2
T6 mempertingkatkan program kerohanian	2
T7 mewujudkan program ekonomi	2

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Kesimpulan [2 markah]

- K1 Kesimpulannya, rakyat perlu menyokong usaha untuk membangunkan modal insan supaya dapat melahirkan generasi yang berkualiti. 2
- K2 Kesimpulannya, rakyat perlu menyokong usaha untuk membangunkan modal insan. 1
- K3 Kesimpulannya, rakyat perlu berusaha bersungguh-sungguh. 0

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan isi baik • Struktur ayat / tatabahasa baik • Kosa kata luas • Tanda baca / ejaan betul
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan isi masih baik • Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan • Kosa kata masih memuaskan • Tanda baca / ejaan memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan

Nota:

- Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah untuk bahasa**.
- Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum: 10 markah**]

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2(a) : **9** markah
- Soalan 2(b) : **9** markah
- Soalan 2(c) : **8** markah
- Soalan 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
• Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
• Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup tetapi ayat kurang gramatis	1
• Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
• Jawapan tidak tepat / salah	0

1. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
• Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	3
• Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
• Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
• Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	0

2. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
• Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	4
• Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
• Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
• Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
• Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis	0

Soalan 2(a) : Petikan Umum **Markah**

(i) Maksud

- menjalankan / membuat perubahan 2
- melakukan perubahan 1
- menjalankan / membuat transformasi 1

(ii) Cabaran yang dihadapi

- | | | |
|----|---|---|
| P1 | salah laku rasuah yang masih menjadi amalan dalam sesetengah organisasi | 1 |
| P2 | jenayah berat yang kian meningkat | 1 |
| P3 | hubungan kekeluargaan yang kian renggang | 1 |
| P4 | terlalu memberi tumpuan kepada pembangunan fizikal | 1 |

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Peranan ibu bapa

- | | | |
|----|---------------------------------------|---|
| P1 | meluangkan masa dengan anak-anak | 1 |
| P2 | memberi didikan agama yang secukupnya | 1 |
| P3 | mengawasi pergerakan anak-anak | 1 |
| P4 | mendisiplinkan diri anak sejak kecil | 1 |
| P5 | menjadi suri teladan kepada anak-anak | 1 |

(Peranan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

Soalan 2(b) : Petikan Prosa Moden

(i) Cita-cita Mel

- | | | |
|----|---|---|
| P1 | memenuhkan dada dengan ilmu pengetahuan | 1 |
| P2 | memenuhkan dada dengan pengalaman | 1 |
| P3 | memahirkan lidah dengan bahasa ibunda | 1 |
| P4 | memenuhkan dada dengan ilmu berkaitan kewajipan | 1 |

[Maksimum : 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Kepentingan mempelajari sejarah tanah air kepada generasi muda

- | | | |
|----|--------------------------------------|---|
| P1 | memupuk semangat patriotik | 1 |
| P2 | menyemai perpaduan antara kaum | 1 |
| P3 | mempelajari kesilapan lalu | 1 |
| P4 | menghargai budaya dan warisan negara | 1 |
| P5 | memeliha r kedaulatan negara | 1 |
| P6 | memahami situasi politik negara | 1 |

(Kepentingan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup :2 isi]

(iii) Persoalan dalam petikan

- P1 **Persoalan semangat patriotik dalam jiwa anak muda**
Bonda ingin menghidupkan semangat patriotisme dan jati diri dalam diri Mel. [1+1]
- P2 **Persoalan kepentingan mempelajari sejarah**
Bangsa yang membaca dan mengkaji sejarah silam tidak akan melakukan kesilapan kali kedua. [1+1]
- P3 **Persoalan keperluan menuntut ilmu dalam kehidupan**
Mel membaca dan mengkaji kitab dalam tulisan Jawi yang diberikan oleh bonda kepadanya. [1+1]

Persoalan dalam keseluruhan cerpen

- K1 **Persoalan keinginan anak muda berhijrah ke bandar**
Mel memohon keizinan ibunya untuk berhijrah ke bandar bagi membina kehidupannya. [1+1]
- K2 **Persoalan ketaatan seorang anak terhadap ibu bapa**
Mel mentaati nasihat ibunya yang tidak membenarkannya berhijrah ke bandar kerana Mel masih belum cukup kuat jati diri untuk tinggal di sana. [1+1]

(Persoalan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup :2 isi (P + K)]

Soalan 2(c) – Prosa Tradisional

(i) Maksud rangkai kata *naik raja* :

- | | |
|-------------------------------|---|
| - menjadi sultan / pemerintah | 2 |
| - menjadi raja | 1 |

[Maksimum : 2 markah]

(ii) peristiwa yang berlaku :

- | | |
|---|---|
| P1 Raja Abdullah menggantikan kerajaan ayahanda baginda | 1 |
| P2 menggelarkan dirinya Sultan Mansur Syah | 1 |
| P3 memperisterikan anak Seri Nara Diraja | 1 |
| P4 mempunyai seorang anak perempuan | 1 |

[Maksimum : 3 markah]

[isi cukup: 2 isi]

(iii) Ciri-ciri remaja berwawasan :

- | | |
|---------------------------------------|---|
| P1 mempunyai ilmu pengetahuan | 1 |
| P2 personaliti yang menarik | 1 |
| P3 tidak mudah berputus asa | 1 |
| P4 berani mencuba sesuatu yang baharu | 1 |
| P5 bersemangat patriotik | 1 |

(Ciri lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]

[isi cukup: 2 isi]

Soalan 2(d) – Puisi Tradisional

(i) Maksud

- | | | |
|----|---|---|
| P1 | berhati-hati dalam pergaulan | 1 |
| P2 | bijak memilih orang yang baik untuk dijadikan kawan | 1 |
| P3 | manusia mempunyai pelbagai karenah | 1 |

[Maksimum: 2 markah]
[Isi cukup: 2 isi]

(ii) Cara mengelakkan perselisihan faham :

- | | | |
|----|--|---|
| P1 | mengakui kesilapan | 1 |
| P2 | berlapang dada / sanggup menerima kritikan | 1 |
| P3 | bertolak ansur | 1 |
| P4 | berbincang | 1 |
| P4 | tidak menyentuh sensitiviti | 1 |

(cara yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]
[isi cukup: 2 isi]

(iii) Dua pengajaran yang terdapat dalam gurindam:

- | | | |
|----|--|-------|
| P1 | Kita mestilah rajin berusaha untuk menambahkan ilmu pengetahuan dalam diri supaya dapat menjadi manusia yang bijak pandai. | [1+1] |
| P2 | Kita mestilah bersungguh-sungguh dalam usaha mencari ilmu supaya masalah yang kita hadapi dapat diselesaikan. | [1+1] |
| P3 | Kita mestilah berfikiran rasional sebelum bercakap dengan orang lain demi menjaga maruah diri. | [1+1] |
| P4 | Kita mestilah berbuat baik sesama manusia agar dipandang tinggi dalam masyarakat | [1+1] |

(Pengajaran yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]
[isi cukup: 2 isi]

Soalan 3

Markah penuh dibahagikan kepada

Soalan 3(a): **6** markah

Soalan 3(b): **6** markah

Soalan 3(c): **6** markah

Soalan 3(d): **6** markah

Soalan 3(e): **6** markah

Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
4. Isi tidak jelas, berikan $\frac{1}{2}$ markah.
5. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
6. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
7. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.

Jawapan 3 (a)

(i) cerai-berai

1. berpisah-pisah (berselerak, berpecah-pecah) ke sana sini (dengan tidak tentu arah), porak-poranda
2. berpisah daripada bersatu sbg suami isteri, putus pertalian sebagai suami isteri

(ii) huru-hara

1. keadaan tidak tenteram, kacau-bilau
2. keadaan kelam-kabut (tidak keruan)
3. berjalan dengan tidak tentu tujuan
4. keadaan kacau-bilau

(iii) kering-kontang

1. kering sama sekali
2. tidak mengandungi air

(iv) pindah-randah

= selalu bertukar tempat (kediaman dll)

(v) keluh-kesah

= kata-kata dsb yang melahirkan rasa sedih (kerana menderita sesuatu), rintihan

(vi) senang-lenang

= berbahagia sekali, tiada satu pun yg kurang

[6 markah]

Jawapan 3(b) – Pola Ayat

- (i) FN + FA
- (ii) FN + FN
- (iii) FN + FS
- (iv) FN + FK
- (v) FN + FN
- (vi) FN + FA

[6 markah]**3(c) - Kesalahan ejaan dan imbuhan**

- | | | | |
|-------|----------------|---|--------------------------|
| (i) | motorsikal | - | motosikal |
| | mempermudahkan | - | mempermudah / memudahkan |
| (ii) | pensil | - | pensel |
| | penyediaan | - | persediaan |
| (iii) | anti-dadah | - | antidadah |
| | melibat | - | melibatkan |

[6 markah]**3(d) - Kesalahan penggunaan kata / istilah dan tatabahasa**

- | | | | |
|-------|---------------|---|--------------|
| (i) | penjaga | - | pengawal |
| | Dek kerana | - | Dek / Kerana |
| (ii) | kembali | - | pulang |
| | dari | - | daripada |
| (iii) | sekolah | - | pelajar |
| | lain-lain hal | - | hal-hal lain |

[6 markah]**Jawapan 3 (e) – Peribahasa**

- | | | |
|-------|--|---|
| (i) | berat sama dipikul ringan sama dijinjing / bukit sama didaki lurah sama dituruni | 2 |
| (ii) | gunting dalam lipatan / api dalam sekam | 2 |
| (iii) | mendengar guruh di langit air di tempayan dicurahkan | 2 |

[6 markah]

Soalan 4 - Novel

Markah penuh **15** markah

(a)

- (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Beri 1 markah bagi setiap pernyataan **nilai kemanusiaan** yang betul / tepat.
- (iv) Beri 1 markah bagi satu **peristiwa / huraiyan** yang lengkap / jelas.
- (v) Markah isi maksimum 4 markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.
- (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*:
 - Baik : 3 markah
 - Sederhana : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 7 markah]

(b)

- (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Beri 2 markah bagi setiap **peristiwa yang boleh dijadikan iktibar**.
- (iv) Beri 1 markah bagi setiap **pernyataan iktibar**.
- (v) Markah isi maksimum 6 markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.
- (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*:
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 8 markah]

4 (a) Nilai kemanusiaan:

Novel Pantai Kasih:

1. Nilai kerajinan

- Sister Felicia asalnya belajar di kawasan pedalaman di Inanam tetapi atas kerajinannya dia berjaya menjadi seorang jururawat di Hospital Kinabalu.
- Doktor Raiha rajin belajar daripada mentornya iaitu Doktor Uwang sewaktu menuntut di pusat pengajian tinggi dan sanggup melakukan apa-apa sahaja yang diminta oleh mentornya itu.

2. Nilai ketekunan

- Doktor Raiha tekun belajar sehingga menjadi seorang pakar bedah sama seperti ayahnya. Walaupun cita-citanya itu tidak direstui oleh ayahnya, namun atas ketekunannya mengharungi pelbagai cabaran telah menjadikan dia seorang pakar bedah dan diterima berkhidmat di Pusat Rawatan Pantai Kasih.

3. Nilai keberanian

- Doktor Raiha berani mempertahankan bahawa kematian anak perempuannya adalah disebabkan oleh Doktor Sadiz. Sikapnya itu tidak disenangi oleh Doktor Sadiz sehingga kes mereka itu berlarutan dan menjelaskan nama baiknya sendiri. Sikapnya itu juga tidak disenangi oleh keluarganya sendiri kerana mempertahankan benang yang basah.

4. Nilai bertanggungjawab / tanggungjawab

- Doktor Raiha bertanggungjawab untuk menjadikan pembedahan ke atas Unong Siron sebagai pembedahan yang keenam dan terakhir. Doktor Raiha berpendapat tidak sewajarnya gadis remaja itu menghabiskan masa menghadapi hidup dengan waktu sukar yang sangat panjang.

Novel Bimasakti Menari

1. Nilai ketabahan

- Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik tabah menghadapi cabaran dan dugaan dalam usaha mereka mewujudkan Kawasan Simpan Langit Gelap (KSLG) di Kuala Selangor.
- Tan Sri Muhammin tabah membesarakan anaknya seorang diri selepas bercerai dengan Pn. Maryam Wickham.

2. Nilai kesyukuran

- Haji Yassir bersyukur dan menangis kegembiraan kerana Nurul Hafsa telah berjaya diselamatkan selepas diculik oleh orang-orang suruhan Dato' Johann Arlington-Majid.

3. Nilai bertanggungjawab / tanggungjawab

- Budiman bertanggungjawab menemani adiknya Nurul Hafsa untuk berjumpa dengan Muhammad Taufik bagi menjaga hubungan adiknya dengan lelaki bukan mahram walaupun pertemuan mereka diadakan untuk berbincang tentang projek Kawasan Simpan Langit Gelap.
- Tan Sri Muhammin, seorang bapa yang bertanggungjawab kerana beliau menjaga dan membesarakan anak tunggalnya Muhammad Taufik, seorang diri selepas bercerai dengan isterinya Puan Maryam Wickham.

4. Nilai ketaatan

- Muhammad Taufik mentaati permintaan ayahnya Tan Sri Muhammin yang menyuruh dia mengikut ibunya ke Otago New Zealand walaupun dia agak keberatan.

(nilai yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 7 markah]

4(b) Peristiwa yang dapat dijadikan iktibar:

Novel Pantai Kasih :

1. **Peristiwa:** Doktor Raiha berusaha memastikan setiap operasi pembedahan yang dilakukannya akan memuaskan hati semua pihak yang terlibat. Doktor Raiha memeriksa Unong Siron setelah menjalani pembedahan bagi memastikan tahap kesihatan gadis itu memuaskan.

Iktibar : Kita mestilah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh amanah.

2. **Peristiwa:** Doktor Raiha bertegas tidak mahu menggugurkan kandungannya walaupun didesak oleh suaminya. Doktor Raiha melahirkan anak tersebut dan menjaganya dengan penuh kasih sayang.

Iktibar : Kita mestilah menjaga anak dengan baik dan penuh kasih sayang.

3. **Peristiwa:** Doktor Raiha tekun belajar untuk mencapai cita-citanya sebagai pakar bedah seperti ayahnya. Walaupun ditentang oleh ayahnya, Doktor Raiha tetap berpegang kepada matlamat dan terus belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya menjadi seorang pakar bedah.

Iktibar: Kita hendaklah belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya.

4. **Peristiwa :** Doktor Raiha prihatin terhadap nasib yang menimpa Unong Siron. Baginya pembedahan sebanyak enam kali tidak sepatutnya berlaku apatah lagi Unong Siron dan ibunya berasal daripada keluarga kelas menengah.

Iktibar : Kita hendaklah prihatin terhadap nasib orang lain yang dalam kesusahan dan memerlukan pertolongan.

Novel Bimasakti Menari .

1. **Peristiwa:** Nurul Hafsa dan abangnya Budiman menunggu kepulangan ayahnya dari kebun untuk makan tengah hari dan solat Zuhur bersama-sama.

Iktibar: Kita hendaklah menghormati orang yang lebih tua.

2. **Peristiwa:** Peristiwa Muhammad Taufik, Nurul Hafsa, dan Budiman bekerjasama untuk menyediakan laporan tentang Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor untuk dibentangkan di hadapan Menteri Besar, ahli akademik, ahli perniagaan dan orang awam di bangunan SUK Shah Alam.

Iktibar : Kita hendaklah bekerjasama dalam melakukan sesuatu pekerjaan.

3. **Peristiwa:** Peristiwa Muhammad Taufik menjadikan 50 hektar tanah di tebing sungai untuk memulihkan populasi kelip-kelip dengan menutup laluan anak sungai agar tiada gangguan cahaya ataupun kebisingan bot dan pelancong.

Iktibar: Kita haruslah bertanggungjawab memelihara hidupan ciptaan Tuhan.

4. **Peristiwa:** Peristiwa Muhammad Taufik mengajak ibunya ke rumah walaupun ibunya telah lama berpisah dengan bapanya. Muhammad Taufik juga sentiasa berhubung dengan ibunya melalui media sosial.

Iktibar : Kita hendaklah menyayangi ibu bapa yang banyak berjasa kepada kita.

(iktibar yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum 8 markah]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT